

08 AUG 2001

Pengarah-VCD

PENGARAH INDIA KATA M'SIA BERANI BERTINDAK BANTERAS CD HARAM

IPOH, 8 Ogos (Bernama) -- Tindakan Malaysia melarang penjualan VCD dan CD di tempat terbuka adalah langkah berani dan dinamik bagi menjamin survival industri perfileman di dunia, kata seorang pengarah ternama dari India.

K.Balachandar, 72, satu nama besar dalam industri perfileman di Selatan India dan seorang anggota panel penasihat antarabangsa E-village (EVIAP), berkata industri perfileman tidak akan dapat bertahan jika gejala cetak rompak terus berleluasa.

"Saya ucapkan tahniah kepada Malaysia kerana mengambil langkah yang berani ini," katanya kepada pemberita di sini.

Isnin lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan larangan penjualan VCD dan CD di tempat terbuka, yang akan berkuatkuasa dalam tempoh dua bulan, bertujuan membanteras penjualan bahan-bahan lucah dan cetak rompak.

Balachandar, yang berada di sini untuk mengarah sebuah filem, berkata Malaysia telah merintis jalan dalam memerangi gejala cetak yang menjejaskan industri perfileman khususnya bagi filem Hindi dan Tamil.

"Saya begitu gembira apabila membaca mengenainya dalam akhbar. Ini satu tindakan murni," kata Balachandar, satu-satunya wakil dari industri filem India di kalangan 10 anggota antarabangsa EVIAP.

Sejak mula mengarah pada 1965, Balachandar telah menghasilkan filem-filem Tamil, Telugu, Kannada dan Hindi. Filem arahnya di sini berjudul Parthale Paravasam adalah yang ke-100 baginya.

Pelakon sensasi terbaru, R. Mathavan bersama Sneha memegang dua watak utama filem itu yang penggambarannya dibuat di Kuala Lumpur, Putrajaya, Ipoh, Batu Gajah, Taiping, Bukit Merah dan Kuala Kangsar.

Mengenai E-Village, Balachandar berkata ia adalah satu rancangan yang berwawasan dan hasilnya dapat dilihat dalam tempoh lima tahun akan datang, atau mungkin lebih awal.

"Ia akan menarik penyertaan dari seluruh dunia dalam bidang pendidikan, penggambaran di lokasi tempatan, penerbitan bersama...malahan saya telah menawarkan diri saya untuk menghasilkan sebuah filem tempatan," katanya.

Balachandar berkata ia akan melibatkan pembikinan sebuah filem Melayu, menggunakan pelakon tempatan dan dari India serta pakar teknikal dari India.

Skrip bagi filem itu kini di peringkat akhir, katanya.

Balachandar berkata beliau telah berkesempatan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan amat kagum dengan wawasan Perdana Menteri untuk negara ini dan juga untuk industri filem.

E-Village meliputi kawasan seluas 486 hektar dekat Cyberjaya. Ia akan mengandungi pelbagai kemudahan terkini bagi bidang perfileman termasuk sebuah akademi bagi melatih bakat-bakat baru.

Ketika ditanya kenapa dia memilih Malaysia sebagai lokasi penggambaran filemnya, Balachandar berkata negara ini telah mencapai kemajuan yang pesat selain mempunyai banyak tempat dan pemandangan menarik.

"Ia sebuah negara cantik, khususnya Perak. Tambahan pula, rakyat di sini mudah mesra dan Malaysia mempunyai ramai peminat filem Tamil. Sudah menjadi hasrat saya supaya filem ke-100 saya memasukkan juga Malaysia," katanya.

Balachandar berkata beliau akan mencadangkan kepada rakan-rakannya supaya menjadikan Malaysia sebagai lokasi bagi filem mereka kerana negara

ini mempunyai segala-galanya untuk penggambaran

-- kawasan bandar, perkampungan, pulau dan hutan.

"Saya pasti akan datang lagi, mungkin membuat keseluruhan penggambaran di sini (Perak)," katanya.

-- BERNAMA

AR MAI